

AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 4  
 RUANGAN : NEGARA

## Noor Hisham terima Anugerah Merit Ibn Khaldun

**PETALING JAYA** – Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah berkenan berangkat ke Majlis Anugerah Merit Ibn Khaldun bagi Transformasi Sosial Peringkat Global 2020 semalam.

Majlis itu berlangsung di Muzeum Institut Antarabangsa Tamadun Islam dan Dunia Melayu (ISTAC), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kampus Kuala Lumpur.

Raja Permaisuri Agong yang juga Ketua Perlembagaan UIAM berkenan mengurniakan anugerah tersebut kepada Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah.

Laman Facebook rasmi Istana Negara berkata, penganugerahan kepada Ketua Pengarah Kesihatan sebagai mewakili petugas

barisan hadapan kesihatan dan keselamatan negara.

“Penganugerahan ini bagi menghargai jasa dan usaha para petugas barisan hadapan yang bertungkus lumus menentang dan memutuskan rantaian pandemik Covid-19 yang melanda,” kata Istana Negara semalam.

Menurut Istana Negara, Anugerah Merit Ibn Khaldun UIAM yang diperkenalkan sejak 2018 adalah anugerah untuk mengiktiraf organisasi yang menerajui serta menyumbang dari segi kepakaran atau kerja-kerja kebajikan untuk masyarakat.

Turut hadir pada majlis itu Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Noraini Ahmad; Presiden UIAM, Datuk Dr. Mohd Daud Bakar dan Rektor UIAM, Prof. Emeritus Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak.



TUNKU AZIZAH mengurniakan Anugerah Merit Ibn Khaldun kepada Noor Hisham di ISTAC UIA, Kuala Lumpur semalam.

## Khairy Jamaluddin penerima pertama vaksin Sinovac ‘Tiba-tiba saya boleh cakap Mandarin’

**REMBAU** – “Saya sudah terima vaksin Sinovac, saya tiba-tiba sangat fasih bahasa Mandarin,” seloroh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

Beliau merupakan individu pertama menerima vaksin Sinovac di negara ini selepas disuntik vaksin berkenaan di Hospital Rembau di sini, semalam.

Berkongsi keadaannya, beliau yang juga merupakan Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan memaklumkan proses suntikan tersebut berjalan lancar dan tidak mengalami sebarang kesan sampingan selepas vaksinasi.

“Saya telah tawarkan diri jadi orang pertama atas prinsip kepercayaan terhadap proses penilaian dan keputusan yang dibuat Bahagian Kawal Selia Farmasi Negara (NPRA) dalam memastikan tahap keselamatan, keberkesanan dan kestabilan vaksin yang diberikan di Malaysia.

“Sinovac sama seperti Pfizer, ia selamat, berkesan dan stabil untuk diambil. Alhamdulillah sepanjang 30 minit tempoh minimum pemantauan, saya tak mengalami kesan sampingan teruk,” katanya.

Khairy Jamaluddin disuntik dengan vaksin berkenaan kira-kira pukul 1.30 petang oleh Ketua Penyelia Jururawat Hospital Rembau, Salha Abd Samad.

Dalam pada itu Khairy Jamaluddin



KHAIRY JAMALUDDIN menerima suntikan vaksin Sinovac Covid-19 di Hospital Rembau semalam.

memaklumkan, pengguna aplikasi MySejahtera boleh mula mendaftar vaksinasi Covid-19 bagi golongan warga emas yang menjadi tanggungan mereka melalui pendaftaran tanggungan

di dalam aplikasi berkenaan bermula hari ini.

“Orang ramai boleh mendaftar untuk ibu bapa, datuk nenek mereka. Lebih mudah,” jelas beliau.

## Kes aktif kini susut bawah 15,000 pesakit

**PUTRAJAYA** – Kes aktif kebolehhangkitan Covid-19 semakin menyusut dengan jumlah terbaharu sebanyak 14,782 semalam sekali gus menunjukkan jumlah pesakit positif Covid-19 yang sedang diasingkan dan dirawat di negara ini kian berkurangan.

Kali terakhir kes aktif kebolehhangkitan Covid-19 dilaporkan di bawah angka 20,000 adalah pada 9 Mac lalu dan semakin menurun hingga mencecah 15,075, Rabu lalu.

Ini turut menunjukkan perkembangan positif selepas kes baharu berada di bawah 1,500 kes tiga hari berturut-turut dengan kes harian semalam merekodkan 1,213 kes.

Pada masa sama, angka kes sembuh turut mengatasi kes baharu dengan 1,503 kes dan jumlah kumulatif kes sembuh daripada Covid-19 mencatatkan 312,461 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Selangor masih catat kes tertinggi sebanyak 353 kes dengan 272 kes daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat yang aktif dijalankan di lapangan, diikuti oleh Sarawak sebanyak 303 kes dan Johor sebanyak 142 kes.

Beliau berkata, sebanyak sembilan kluster baharu termasuk satu daripadanya memabatkan pusat tahanan dikesan di Selangor, Johor, Sabah, Perak, Sarawak dan Kedah.

Menurutnya, kluster baharu itu melibatkan lima kluster tempat kerja, tiga kluster komuniti dan satu kluster melibatkan pusat tahanan dikesan di Selangor, Johor, Sabah, Perak, Sarawak dan Kedah.

### COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu	1,213
Import	6
Tempatan	1,207
Pulih	1,503
Kematian	3
Masih dirawat	14,782
Jumlah kes sembuh	312,461
Jumlah Kematian	1,223
<b>Jumlah kes keseluruhan</b>	<b>328,466</b>

Katanya, Kluster Tapak Bina Persiaran Setia di Petaling, Selangor dengan 18 kes pekerja tapak binaan di Shah Alam serta Kluster Tapak Bina Persiaran Sunsuria di Sepang dengan 11 kes di sebuah tapak binaan di Persiaran Sunsuria, Sepang.

“Kluster Jalan Wawasan Sembilan di Batu Pahat dan Kluang, Johor dengan 50 kes pekerja kilang di Jalan Wawasan 9, Kawasan Perindustrian Sri Gading, Batu Pahat dan Kluster Melamam di Sipitang, Sabah dengan 14 kes iaitu kes indeks saringan sebelum masuk wad serta melibatkan sebuah pusat pendidikan di Kampung Melamam, Sipitang.

“Kluster Jalan Asuhan pula di Kerian, Perak dengan 12 kes iaitu kes indeks bergejala dan melibatkan pekerja sebuah pasar raya berhampiran Parit Buntar, Kerian,” katanya dalam satu kenyataan semalam.